

SOALAN NO: 10

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 13 NOVEMBER 2017
SOALAN : 10**

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- (a) bilangan hospital yang didapati memerlukan perhatian segera selepas kejadian kebakaran di Hospital Sultanah Aminah; dan
- (b) berapakah wang yang diperlukan untuk membaiki, menaik taraf atau menggantikan hospital yang berkenaan dan berapakah amaun bayaran balik setahun diperlukan untuk menampung pinjaman dan faedahnya dan berapakah tempoh masa bayaran baliknya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Dewan:

- (a) Kementerian ini dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah

9

melaksanakan audit keselamatan kebakaran sejak tahun 2016 ke atas 46 buah hospital yang berusia lebih 50 tahun. Audit kebakaran ini telah diperluaskan pada tahun ini di mana kesemua hospital perlu menjalani pemeriksaan tersebut. Berdasarkan pemeriksaan yang telah dilaksanakan menunjukkan bahawa sebahagian hospital mempunyai risiko kebakaran dan memerlukan kerja-kerja naiktaraf, penambahbaikan serta pembaikan yang perlu dilaksanakan bagi memastikan ianya selamat dan tidak menjejaskan pengoperasian harian hospital.

- (b) Berdasarkan audit kebakaran ini, Kementerian telah membuat permohonan peruntukan khas berjumlah **RM491.84 juta** untuk menaiktaraf sistem pendawaian dan sistem pencegahan kebakaran di hospital.